



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***KATA KONSEP BERKAITAN ALAM ISLAM DALAM SYAIR TERPILIH  
MUDA OMAR ALI SAIFUDDIEN***

**MOHAMMAD SHAHRIN BIN HAJI METUSSIN**

**FBMK 2020 50**



**KATA KONSEP BERKAITAN ALAM ISLAM DALAM SYAIR TERPILIH  
MUDA OMAR ALI SAIFUDDIEN**

Oleh

**MOHAMMAD SHAHRIN BIN HAJI METUSSIN**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah  
Doktor Falsafah**

**November 2019**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

## **KATA KONSEP BERKAITAN ALAM ISLAM DALAM SYAIR TERPILIH MUDA OMAR ALI SAIFUDDIEN**

Oleh

**MOHAMMAD SHAHRIN BIN HAJI METUSSIN**

**November 2019**

**Pengerusi : Profesor Madya Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kewujudan syair, khususnya di Brunei Darussalam adalah khazanah yang sangat bernilai kepada masyarakat Melayu Brunei. Sebagai sebuah wadah puisi Melayu tradisional yang sarat dengan falsafah dan pemikiran sudah tidak syak lagi bahawa naratif syair mengandungi kata-kata konsep yang secara langsung berhubung dengan alam Islam. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menumpukan pengkajian makna dan hubungannya dengan pandangan alam Islam terhadap kata-kata konsep berkaitan alam Islam yang terkandung dalam syair-syair terpilih Muda Omar'Ali Saifuddien. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti kata konsep berkaitan alam Islam dalam syair MOAS. Menganalisis makna struktur dalam kata konsep berkaitan alam Islam dalam syair MOAS, dan merumuskan kata konsep berkaitan alam Islam dalam syair MOAS. Data kajian pula terdiri daripada lima buah karya syair nukilan Muda Omar'Ali Saifuddien, iaitu; Syair Asli Rajang Hari, Syair Nasihat, Syair Perlembagaan Negeri Brunei, Syair Kenangan, dan Rampaian Laila Syair. Kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis tekstual dilakukan dengan memberikan huraian secara deskriptif. Analisis makna dasar dan makna perkaitan dilakukan terhadap kata-kata konsep yang terkandung dalam rangkap-rangkap syair tertentu berdasarkan teori Semantik Struktural (Toshihiko Izutsu, 1959, 1964). Manakala untuk merumuskan pandangan alam semesta (weltanschauung) pula menerapkan pendekatan kerangka Pandangan Alam Islam Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1995 & 2015). Teori Semantik Struktural yang dikembangkan Izutsu menjelaskan bahawa dalam memahami kesepaduan konsep, perlu memahami makna setiap konsep dalam perspektif makna "asasi" (basic) dan "perkaitan" (relational). Pendekatan semantik tidak hanya menjelaskan makna secara harafiah namun lebih penting dari itu adalah mengungkapkan keseluruhan pengalaman budaya sebagai konsepsi penyair yang dikenali Izutsu sebagai Weltanschauung semantik Budaya melalui analitik rekonstruksi pada tahap analitik struktur. Dapatan kajian melalui analisis makna asasi dan makna perkaitan bagi setiap kata konsep dan istilah-istilah konsep yang melingkungi

empat kata konsep utama sebagai pandangan alam syair, memperlihatkan bahawa terdapat makna perkaitan yang saling berhubung kait antara satu konsep dengan konsep yang lain. Akhirnya, pengkaji mendapati bahawa teori semantik struktural (Izutsu) ini dapat mengungkapkannya makna kata-kata konsep berkaitan pandangan alam yang terdiri daripada kata konsep tauhid, ilmu, adil dan adab menyerlahkan aspek pandangan alam Islam berasaskan karya syair. Tegasnya, setiap kata-kata konsep sebuah pandangan alam (weltanschauung), secara timbal-balik mewujudkan kata-kata konsep yang penuh pentafsiran makna berdasarkan lingkungan pengalaman konteks budaya. Sehubungan itu, dapatan kajian berdasarkan karya-karya syair MOAS jelas terbukti bahawa konsep tauhid dan ilmu disamping penyemaian adab dan adil berperanan sebagai nilai teras yang terdapat dalam pandangan alam Islam dan perlu ditanamkan dalam setiap manusia. Kelima-lima buah syair MOAS yang dikaji ini mengandungi unsur makna dan pandangan alam Islam sejajar dengan falsafah MIB. Kepentingan Ilmu dan keagungan Allah berlandaskan tauhid yang berteraskan Islam merupakan unsur yang dominan bagi kata konsep yang dijelmakan penyair MOAS. Selanjutnya struktur pandangan alam Islam berasaskan karya Syair MOAS menunjukkan bahawa ciri-ciri alam Islam jelas terpancar dan disedari kewujudannya melalui kata konsep dan istilah-istilah Islam sebagai penjelasan penstrukturan makna dan pandangan alam Islam terhadap konsep tauhid, ilmu, adil dan adab menjadi bukti terdapatnya lingkungan jalinan perkaitan makna dalam setiap kata konsep.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**CONCEPTUAL WORDS IN RELATION TO THE ISLAMIC WORLD IN  
SELECTED POEMS OF MUDA OMAR ALI SAIFUDDIEN**

By

**MOHAMMAD SHAHRIN BIN HAJI METUSSIN**

**November 2019**

**Chairman : Associate Professor Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

The existence of poetry as Brunei Darussalam's national heritage is of great importance to the Brunei Malay community. As traditional Malay poetries are very highly philosophical and jammed-packed with thoughts and ideas, it is undeniable that poetic narrative may contain conceptual words that relate directly to the worldview of the Islam. This study focuses on the meaning of identified conceptual words and their relation to the views of Islamic as narrated in the poetry of Muda Omar Ali Saifuddien (MOAS). This study aims to identify conceptual words that are related to the worldview that existed during his time. Analysis on selected MOAS poems was conducted to study the structural meaning of conceptual words that had been identified in accordance to Islamic worldview and formulate their relationship with the Islamic world. Five poem excerpts were extracted from *Syair Asli Rajang Hari*, *Syair Nasihat*, *Syair Perlombongan Negeri Brunei*, *Syair Kenangan*, and *Rampaian Laila Syair*. Qualitative research using textual analysis intervention was conducted to provide a more elaborate description of the concept. Meanwhile, the analysis of the underlying meanings and their associated meanings will be formulated based on Izutsu's Semantic Structural Theory (1959, 1964). On the other hand, formulation of the conceptual word worldview (*weltanschauung*) adopted Syed Muhammad Naquib Al-Attas's Islamic Worldview approach (1995 & 2015). Four main conceptual words were identified. Izutsu's Semantic Structural Theory reveals the meaning of each in the perspective of basic and relational meaning. This semantic approach explains the literal meaning of the word and more importantly uncovers the overall cultural experience and conception of a poet known as semantic culture *weltanschauung* through analytical reconstruction at the analytical stage. The findings of the study through the analysis of the basic and relational meanings of each conceptual word, together with the terms surrounding the four conceptual words reveal that there are relational meanings between one conceptual word to another. Finally, the researcher establishes that this semantic theory can uncover the meaning of conceptual words which

are monotheism (*tauhid*) knowledge (*ilmu*), justice (*adil*) and morality (*adab*) highlighting aspects of Islamic worldview in the poems. The *weltanschauung* of each conceptual word creates conceptual words full of interpretable meanings that exist within the context of cultural experience. The findings based on MOAS poetic creativities clearly show that the concepts of monotheism and knowledge, inculcated with justice and exemplary morality play a central role in the Islamic world view of the Brunei Malay Muslim community and should be instilled in the society. The five MOAS poems in this study contain the element of meanings and Islamic views which is in line with Brunei's signature concept and philosophy of Melayu Islam Beraja (MIB). The importance of Allah greatness based on Islamic monotheism and knowledge is the dominant element revealed by poet MOAS. In addition, the structure of Islamic worldview is clearly reflected through the Islamic conceptual words and terms which clearly explains the structuring of meanings and views of the concepts of monotheism, knowledge, justice and morality providing evidence of inter-relational meanings between each conceptual word.

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

ALHAMDULILLAH. Syukur ke hadrat Allah subhanahu wa taala dan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad sollahu alaihi wassalam dengan limpah rahmat dan kesihatan dan kurnia-Nya jua saya dapat menghasilkan sebuah kajian dan melengkapkan tesis ini sebagai sebahagian syarat bagi memperoleh Doktor Falsafah Pengajian Sastera dan Budaya.

Kajian ini juga tidak dapat dilaksanakan tanpa bantuan dan sokongan yang telah diberikan daripada pelbagai pihak khususnya istimewa buat kedua ibu bapa sebagai tulang belakang saya yang telah banyak memberi semangat sepanjang pengajian ini. Di kesempatan ini juga, ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan saya tujukan kepada pengerusi penyeliaan tesis ini, Profesor Madya Dr Zaitul Azma Binti Zainon Hamzah yang telah memberikan tunjuk ajar dan bimbingan. Juga tidak lupa kepada Profesor Madya Dr Adi Yasran Bin Abdul Aziz dan Profesor Madya Dr. Mohd Zariat Bin Abdul Rani yang memberi nasihat dan pandangan serta teguran kepada saya dalam memperbaiki kualiti penulisan tesis ini.

Sekalung penghargaan terima kasih juga saya tujukan kepada pelbagai pihak terutama pihak Perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan UBD, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu (UM), pihak CASIS UTM dan banyak lagi yang tidak dapat disebutkan di sini kerana memberikan banyak ruang bagi memperoleh maklumat dan bahan berkaitan dengan tesis ini.

Ribuan terima kasih kepada rakan seperjuangan sama ada terlibat secara langsung mahupun tidak langsung khususnya Dr Sharulnizam Kasah dan Dr Norsadeah Reduan di atas semangat dan motivasi yang diberikan semasa pengajian lebih-lebih lagi sepanjang proses penyelesaian tesis ini. Semoga hubungan silaturrahim akan terus berpanjangan.

Akhir kalam, sebagai seorang hamba yang daif yang banyak kekurangan, segala kebaikan itu datang daripada Allah SWT dan kekurangan itu datang daripada saya sendiri.

Wassalam.

MOHAMMAD SHAHRIN BIN HAJI METUSSIN  
GS 36662  
Doktor Falsafah Pengajian Sastera dan Budaya  
Jabatan Merentas  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut:

**Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor and Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Date: 10 Disember 2020

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan, dan ilustrasi telah dinyatakan sumberannya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) diperlukan sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan, atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran, atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbas dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Mohammad Shahrin bin Haji Metussin,

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi;

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa : Profesor Madya  
Penyeliaan : Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa : Profesor Madya  
Penyeliaan : Dr. Adi Yasran bin Abdul Aziz

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa : Profesor Madya  
Penyeliaan : Dr. Mohd. Zariat bin Abdul Rani

## JADUAL KANDUNGAN

		Muka surat
<b>ABSTRAK</b>		i
<b>ABSTRACT</b>		iii
<b>PENGHARGAAN</b>		v
<b>PENGESAHAN</b>		vi
<b>PERAKUAN</b>		viii
<b>SENARAI JADUAL</b>		xii
<b>SENARAI RAJAH</b>		xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>		xv
<b>BAB</b>		
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	Latar Belakang Kajian	1
	Naratif Penulisan Syair	4
	Pengarang dan Kepengarangan Muda Omar Ali Saifuddien	6
	Pengkajian Semantik dalam Karya Kesusasteraan	9
	Penyataan Masalah	13
	Objektif Kajian	15
	Persoalan Kajian	15
	Kepentingan Kajian	15
	Batasan Kajian	16
	Definisi Operasional	17
	Kata Konsep	17
	Alam Islam	18
	Syair	18
<b>2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	<b>19</b>
	Pengenalan	19
	Kajian Semantik Struktural Toshihiko Izutsu	20
	Kajian Pandangan Alam Islam Kerangka Syed Muhammad Naquib Al-Attas	28
	Pengkajian Syair-syair Brunei	33
	Rumusan	40
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>43</b>
	Pengenalan	43
	Reka Bentuk Kajian	43
	Kerangka Konsep dan Teori	44
	Kerangka Teori Semantik Struktural Izutsu	44
	Prinsip Semantik Struktural Izutsu	45
	Pemilihan Kata Konsep	45
	Analisis Makna Dasar dan Makna Perkaitan	46
	Medan Semantik	50
	Kata Konsep dan Pandangan Alam ( <i>Weltanschauung</i> )	51

	Kerangka Pandangan Alam Islam Al-Attas	53
	Pendekatan Kajian	58
	Kaedah Kajian	59
	Kaedah Analisis Teks	59
	Pemilihan Bahan Kajian	59
	Proses Kajian	62
	Penganalisan Data	63
	Pertimbangan Etika	64
	Rumusan	64
	Kerangka Konseptual	65
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>66</b>
	Pendahuluan	66
	Kata Konsep Alam Islam	66
	Kata Konsep Tauhid	67
	Kata Konsep Ilmu	69
	Kata Konsep Adil	70
	Kata Konsep Adab	73
	Makna Struktur dalam Kata Konsep	74
	Tauhid	75
	ILMU	91
	ADIL	104
	ADAB	113
	Rumusan Struktur Kata Konsep Berkaitan Alam Islam	124
	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	137
	Kesimpulan	141
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>142</b>
	Pengenalan	142
	Rumusan	142
	Implikasi Dapatan Kajian	146
	Cadangan dan Kajian Selanjutnya	148
	Penutup	149
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>150</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>156</b>
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	<b>157</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1	Kata Konsep Tauhid Pandangan Alam Islam Al-Attas	68
2	Kata Konsep Ilmu Pandangan Alam Islam Al-Attas	69
3	Kata Konsep Adil Pandangan Alam Islam Al-Attas	72
4	Kata Konsep Adab Pandangan Alam Islam Al-Attas	73
5	Rumusan Kata Konsep Berkaitan Alam Islam Dalam Syair Moas	125

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka surat</b>
1	Segi Tiga Semantik	9
2	Rajah Segi Empat “Kata” & “Makna”	10
3	Hubungan Makna kata Dasar dan kaitan	47
4	Aplikasi Analisis Semantik Izutsu Terhadap Teks	52
5	Model Aplikasi Kajian Kata Konsep Alam Islam dalam Syair Terpilih MOAS	57
6	Kerangka Konseptual	65
7	Hubungan semantik kata “Esa” dan “Ahad”	77
8	Hubungan Semantik Syahdah, Iman, Esa dan Ahad	78
9	Hubungan Semantik Iman, Islam dan Ihsan	85
10	Hubungan Semantik kata “tawakal” dan “Reda”	88
11	Hubungan Semantik “Takdir”, “Tawakal” dan “Reda”	89
12	Jalinan Medan Semantik Kata Konsep Tauhid	90
13	Perkaitan Makna Pengetahuan dan Hubungannya dengan Makrifat & Faham	92
14	Hubungan pasangan kata “pengetahuan” dan “panduan”	94
15	Hubungan Semantik Kata Pengetahuan dengan Arif, Faham, Panduan, Makrifat dan Ilham.	96
16	Hubungan semantik kata “Akal” dan “Fikiran”	98
17	Hubungan semantik kata “kebenaran”, “Jahil” dan “Syak”	100
18	Hubungan Semantik “Kitab”, “Quran” dan “Hadit	102
19	Perkaitan Kata “Firman” dan “kalam”	103
20	Jalinan Medan Semantik Kata Konsep Ilmu	104
21	Perkaitan Makna Hukum, Syarak, Undang-Undang, dan Peraturan	107
22	Hubungan Pasangan kata antara timbangan dan dacing	108

23	Perkaitan Makna Bertimbang rasa, Saksama dan Munasabah	110
24	Hubungan Semantik Pemimpin Negara dan ketua Negara	112
25	Jalinan Medan Semantik Kata Konsep Adil	113
26	Hubungan Semantik Takbur dan Riak dengan Sombong	117
27	Perkaitan Makna Tawaduk dan Ibadat	119
28	Hubungan Semantik Cela dengan Jahat, Bohong dan Buruk	120
29	Antonim negatif (-) Bersih dan Cela	121
30	Jalinan Medan Semantik Kata Konsep Adab	123



## SENARAI SINGKATAN

Al-Attas	Profesor Muhammd Naquib Al-Attas
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
Izutsu	Toshihiko Izutsu
MIB	Melayu Islam Beraja
MOAS	Muda Omar 'Ali Saifuddien





© COPYRIGHT UPM

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### Latar Belakang Kajian

Pada abad ke-16 dan ke-17, pertumbuhan mahupun kemajuan dalam tradisi penulisan karya kesusasteraan, falsafah, metafizik dan teologi rasional disifatkan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas (selepas ini Al-Attas) sebagai zaman keunggulan yang tiada tandingannya pada zaman dan di mana-mana pun di alam Nusantara. Sehubungan itu Agama Islam tidak terpisah dalam memperkukuh budaya Melayu kerana membawa kepada semangat agama yang tinggi, nilai intelektualisme dan rasionalismenya dilihat sebagai jiwa baru yang menandai proses evolusi dalam *worldview* atau pandangan alam Melayu dan Islam, memesongkan daripada dunia mitos yang semakin luntur, kepada dunia akliah, pemikiran dan ketertiban (Al-Attas, 1972). Dalam pada itu, antara faktor penting yang menjana kecemerlangan dan keunggulan tamadun Melayu sejak kedatangan Islam ialah pengaruh bahasa Arab dalam sistem persuratan Melayu, sehinggakan Al-Attas (1972) menanggap bahasa Melayu sebagai bahasa Islam dan mungkin merupakan bahasa yang kedua terbesar di dunia. Hakikatnya, kemunculan pelbagai karya di alam Melayu yang ditulis dalam bahasa Melayu menggambarkan bahawa persuratan yang bertunjangkan pandangan alam Islam begitu dekat dengan masyarakat. Karya yang dipenuhi dengan ilmu berasaskan pandangan alam Islam dan ketauhidan yang Esa serta menggambarkan hubungan sesama manusia dan hubungan dengan Allah.

Selain itu, kedatangan Islam di alam Melayu telah mengubah sistem nilai dan corak pemikiran masyarakat. Islam turut menyumbangkan peranan yang penting terhadap pandangan alam (*worldview*). Pembentukan pandangan alam yang berasaskan pandangan alam Islam bagi masyarakat Melayu memainkan peranan penting sebagai mempengaruhi keseluruhan konsep, pemikiran dan inti dalaman mahupun corak kehidupan sesebuah masyarakat. Sehubungan itu, bahasa berdasarkan aspek konotatifnya adalah manifestasi penting yang pertama dan utama dari kecenderungan untuk mengkategorikan karakteristik pemikiran manusia. Toshihiko Izutsu (1964) menjelaskan:

*"...What is most important to remark in this respect is not only that each community has its particular way of isolating the segments and units, which are therefore peculiar to itself, but that these segments and units form among themselves system..."*

Penganalisan kata-kata konsep secara analitikal membolehkan pengkaji mengetahui struktur makna yang dapat difahami sebagai kata konsep yang mendokong pandangan alam yang berkait rapat dengan kesatuan pemikiran

dalam fikiran seseorang. Oleh itu, dalam mengkaji kata konsep berkaitan alam Islam, pengkaji menggunakan karya syair Muda Omar Ali Saifuddin (selepas ini MOAS) yang mencerminkan makna secara konseptual sama ada dalam bentuk tersurat mahupun tersirat. Secara umum, kajian terhadap bahan sastera khususnya karya syair memiliki keistimewaan tersendiri dan mampu mengetengahkan sumber pengetahuan kerana rangkapan syair yang dikaji merupakan genre puisi tradisional yang memiliki ciri-ciri yang masih belum diketahui masyarakat umum dalam mengupas akal budi masyarakat Melayu (Hashim Hamid, 2006).

Kata konsep dalam syair melibatkan penggunaan istilah-istilah konsep Islam yang terkandung dalam rangkapan syair yang terpilih. Dalam pada itu, Alparslan Açıkgenç (1996) menyatakan bahawa pandangan alam Islam merupakan pandangan tentang kebenaran dan realiti yang terdiri daripada konsep-konsep yang saling berkaitan antara satu dengan lain yang dikenali sebagai himpunan konsep yang saling berhubungungan secara arkitektonik (*architectonic*). Konsep tersebut berfungsi sebagai asas dalam meninjau semua aspek aktiviti manusia, termasuk hal-hal berhubungkait dengan ilmu dan teknologi. Dalam erti kata lain, pandangan alam Islam jelas merupakan himpunan konsep dasar yang berguna dalam melihat pelbagai objek kajian (Hamid Fahmy Zarkasyi, 2012). Oleh itu, makna dan kefahaman yang mendalam terhadap pemilikan melalui kata-kata konsep berkaitan alam Islam sekaligus banyak dipengaruhi oleh asas falsafah Islam itu sendiri yang turut menyumbang kepada sistem kepercayaan dan pandangan akidah, iaitu asasnya adalah tauhid.

Sehubungan itu, kajian tentang kata konsep berkaitan pandangan alam Islam, ciri-ciri dan faktor utama pembentukannya secara umum dalam syair MOAS turut merangkumi beberapa unsur teras identiti Melayu Islam Beraja (selepas ini MIB) yang telah lama wujud dan bertapak di Brunei Darussalam. Brunei Darussalam memiliki keunikan tersendiri, iaitu sebuah negara yang mewarisi konsep MIB yang telah diamalkan sejak beratus tahun yang silam. Sebagai sebuah negara yang mewarisi entiti MIB, masyarakat Brunei mengamalkan budaya yang bercorak Melayu, melaksanakan hukum-hukum Islam, dan menerapkan sistem pemerintahan Beraja. Sistem Beraja adalah satu sistem yang telah diwarisi berkurun-kurun lamanya dan dihayati oleh setiap lapisan masyarakat Brunei. Sistem tersebut bersendikan budaya Melayu berdasarkan ajaran Islam. Justeru, MIB sebagai falsafah Negara Brunei Darussalam berperanan penting dalam usaha pembangunan negara untuk kelangsungan (*survival*) dan ketahanan peribadi bangsa.

Kedatangan Islam di Nusantara pada abad ke-7 juga turut mempengaruhi perubahan yang besar kepada Negara Brunei Darussalam. Sehingga kini, Islam adalah teras kepada konsep negara MIB yang merangkumi seluruh kehidupan masyarakat dari segi syariat dan akhlak.

Sebagai pandangan alam Islam yang diketengahkan Al-Attas (2014) terdapat beberapa ciri mahupun elemen yang terkandung dalam pandangan alam Islam yang didefinisikan sebagai berikut:

*“...These (fundamental elements of the Islamic worldview) are, to mention the most salient ones, the nature of god; of Revelation (i.e.) the Quran); of his creation; of man and the psychology of human soul; of knowledge; of religion; of freedom; of values and virtues; of happiness- all of which, together with the key terms and concepts that they unfold, have profound bearing upon our ideas about change, development, and progress...”*

Oleh yang demikian, unsur-unsur yang dinyatakan Al-Attas (2014) adalah prinsip yang mengintegrasikan semua sistem makna dan piawai kehidupan dan nilai dalam keadaan yang secara koheren bertindak sebagai sistem terpadu yang membentuk pandangan dunia dan prinsip tertinggi realiti yang hakiki sebagai pernyataan idea oleh unsur-unsur asas tersebut difokuskan pada pengetahuan tentang sifat Tuhan seperti yang terungkap dalam Al-Qur'an (Al-Attas, 2015).

Salah satu cara terbaik mengenal sesuatu bangsa ialah menerusi bahasa dan sasteranya. Sehubungan itu, karya kesusasteraan mengandungi sumber data rujukan tentang budaya untuk memberikan interpretasi, penjelasan dan penghuraian terhadap konsep sesebuah masyarakat. Justeru, kajian kata konsep berkaitan alam Islam, berdasarkan kepada bahasa yang mempengaruhi pandangan alam melalui suatu sudut pandang yang khas dan berupaya untuk menganalisis struktur semantik terhadap kata-kata yang sangat berpengaruh dan penting dalam soal pandangan alam Islam. Sebagai sebuah kata yang mengandungi sistem konotatif yang mewakili dan mewujudkan sebuah pandangan alam (*weltanschauung*) yang khusus, struktur pandangan alam sesebuah masyarakat dibentuk melalui bahan pengalaman bahasa yang secara fitrah dan semula jadi dalam jiwa dan fikiran manusia seterusnya dimanifestasikan ke dalam dunia yang penuh pengertian mahupun makna. Lantaran itu, pandangan alam Islam turut berperanan dalam membentuk keseluruhan konsep, pemikiran dan inti dalaman mahupun corak kehidupan sesebuah masyarakat. Dalam konteks kajian ini, karya syair yang dihasilkan MOAS mengutarakan konsep-konsep berkaitan alam Islam; ia menjadi bahan penting dan relevan dalam konteks semasa apatah lagi di zaman baginda. Lantaran itu bahasa menjadi alat mahupun peranti atau *device* sebagai perantara untuk menyampaikan mesej dan pemikiran dalam karya yang dihasilkan. Bahasa dalam konteks kajian ini merupakan makna yang hadir pada satu konsep yang berperanan sebagai alat akal berfikir suatu hakikat kewujudan yang membayangkan sistem nilai masyarakat (Al-Attas, 2015).

"Maka dari kerana bahasa yang boleh dikategorikan sebagai bahasa Islam itu memang benar ada disebabkan oleh peristilahan Islam yang sama terdapat dalamannya masing-masing, istilah-istilah kunci dan faham-faham yang mesra dalam peristilahan dasar tiap bahasa orang Islam harus sesungguhnya membawa ma'na yang sama, kerana semuanya terlibat dalam suatu jaringan rangka kefahaman dan ma'nawi yang sama." (Al-Attas, 2015)

Menyedari hakikat itu, Islamisasi bahasa dalam kehadiran kata-kata konsep tersebut diperkukuhkan lagi dengan kemunculan istilah-istilah Islam yang mengungkapkan persoalan-persoalan mahupun tema berasaskan masyarakat Melayu Islam seperti keagamaan termasuklah ketuhanan, syariat, muamalat, dan lain-lain. Tegasnya, Islamisasi bahasa dalam pandangan alam Islam mengikut Al-Attas (1995, 2015) menjelaskan:

"Dalam pelbagai bahasa kaum muslimin, termasuk bahasa Arab, terdapat suatu khazanah peristilahan dasar terdiri dari istilah-istilah kunci yang menentukan penetapan pentafsiran pandangan alam Islam tentang hakikat dan kebenaran, dan yang menayangkan pandangan alam Islam dari sudut tinjauan yang benar."

### **Naratif Penulisan Syair**

Syair berasal daripada bahasa Arab 'Shir' yang bermaksud perasaan yang menyedari. Mengikut Za'ba (1962), syair ditakrif sebagai berikut:

"karangan yang disusun perkataannya berangkap-rangkap, dengan bersukat dan bertimbang serta mempunyai pertentangan bunyi sama di hujung tiap-tiap sekeratnya, dan biasanya mengandungi fikiran yang cantik dan tinggi dilafazkan dengan bahasa yang indah."

Meskipun syair berasal dari Arab, namun al-Attas menjelaskan bahawa:

*"...there were earlier poems of the sha'ir type in Malay. The type would be called by a specific name in Malay, just as other earlier type, and in particular type called pantun, have been called specific names in Malay even right down to modern times; and if the sha'ir type called by a specific name, why*



*was that name not preserved, seeing that other specific names in earlier Malay literature have been preserved - why then not in the case of the sha'ir type, especially when that type was later to become, for a time, so popular?"*

Hal ini menjelaskan bahawa terdapat puisi awal jenis syair dalam bahasa Melayu, dan dipanggil oleh nama tertentu dalam bahasa Melayu, seperti jenis lain yang terdahulu, dan jenis tertentu yang dipanggil pantun. Jika pantun kekal dikenali hingga ke zaman moden maka setentunya nama syair juga tetap terpelihara terutamanya apabila ia pada suatu ketika menjadi popular.

Syair Melayu berasal daripada pengaruh tulisan sufi yang bercorak keagamaan walaupun tidak mengalami perubahan tetapi aspek-aspek idea yang diketengahkan ternyata mengalami perubahan yang meliputi pengutaraan buah fikiran, falsafah yang tinggi, kisah sejarah atau puji-pujian (Harun Mat Piah, 1983). Sebagai sebuah genre sastera yang tertua dan terkenal, syair Melayu di nusantara mula ditemui pada abad ke-16. Sehubungan dengan itu, Hamzah Fansuri merupakan tokoh ulama tasawuf yang memelopori pengarang syair yang ditulis dalam bahasa Melayu. Beliau hidup antara akhir abad ke-16 dan awal abad ke-17. *Syair Perahu, Syair Si Burung Pingai, Syair Sidang Fakir* dan sebagainya mengandungi tema yang menyentuh persoalan tentang ketuhanan dalam karya agama pada ketika itu (Al-Attas, 1970).

Dalam pada itu, syair mempunyai kedudukan yang istimewa dalam kehidupan masyarakat Brunei. Keunikan dan kedudukan syair di Brunei Darussalam berhubung kait dengan aspek-aspek kewujudan dan tahap perkembangan sosiobudaya serantau. Tidak dapat dinafikan bahawa warisan kesusasteraan Negara Brunei Darussalam menunjukkan kedinamikan dan keistimewaan bagi masyarakat Melayu yang mewarisi khazanah tradisi keintelektualan dalam penghasilan karya berbentuk syair (Rayah Mohd Ali, 2012). Justeru dari segi sejarah kewujudan syair di Brunei, dapatlah dikatakan bahawa *Syair Awang Semaun* merupakan syair yang popular diketahui umum sebagai syair asal usul negeri Brunei dan memperlihatkan kegagahan pahlawan Brunei (Hashim Hamid, 1988).

Pada hakikatnya, karya syair mengetengahkan pengarangnya yang bijak menggunakan bahasa yang sarat dengan tamsil ibarat dan kiasan serta khazanah budaya yang meliputi takrifan bangsa, masyarakat, nilai dan jati diri Melayu. Karya kesusasteraan khususnya syair dalam konteks kajian ini memberikan gambaran mahupun cerminan terhadap pola pemikiran budaya yang ditayangkan melalui pandangan alam sesebuah masyarakat. Tidak syak lagi, syair memiliki nilai yang tinggi terhadap pemeraksanaan dan pemartabatan bangsa yang bertamadun.

Sementelahan perbincangan genre syair ini banyak diperkatakan melalui pengkaji-pengkaji sarjana kesusasteraan Melayu tradisional (Siti Hawa Haji Salleh, 2005). Peralihan dan evolusi sastera Melayu Brunei moden telah bertitik tolak menerusi kewujudan *Syair Rakis* karya Pengiran Shahbandar Haji Mohammad Salleh. Perkembangan penulisan syair di Negara Brunei Darussalam masih berterusan dengan kemunculan karya-karya Al-Marhum Sultan Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Sehubungan itu, fenomena ini turut menarik perhatian para pengkaji untuk meneliti karya-karya penulisan syair MOAS yang memaparkan persoalan kehidupan masa silam, kini dan wawasan kehidupan masa depan (Pg. Haji Badaruddin Pengiran Haji Ghani, 2006). Kedua-dua tokoh ini merupakan pengarang kalangan bangsawan istana yang telah terlibat secara langsung dalam kegiatan penulisan karya sastera dengan menumpukan genre syair. Syair karangan penyair-penyair berkenaan memang cukup terkenal dan mempunyai pengaruh yang sangat kuat pada zaman mereka (1840-an hingga 1960-an).

Tradisi naratif penulisan syair bukan sahaja masih berlangsung dan diteruskan sehingga kini malahan tradisi keintelektualan penulisan syair ini merupakan manifestasi dan warisan bangsa yang turut menjadi kebanggaan serta keistimewaan masyarakat Melayu Brunei. Oleh yang demikian, kajian kata konsep berkaitan pandangan alam masyarakat Melayu Brunei dalam karya sastera khususnya syair dilaksanakan untuk mencungkil dan meneliti pemikiran mahupun falsafah dan budaya yang diutarakan dalam teks sastera. Dalam kajian ini, kata-kata konsep yang berkaitan pandangan alam masyarakat Melayu Brunei sama ada secara tersurat mahupun tersirat dicerap melalui teks-teks syair karya MOAS.

### **Pengarang dan Kepengarangan Muda Omar Ali Saifuddien**

Nama sebenar Muda Omar Ali Saifuddien ialah Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Baginda merupakan Sultan Brunei ke-28. Baginda diputerakan pada 3 Zulkaedah 1331 bersamaan 23 September 1914 di Kampong Sultan Lama, Bandar Brunei, iaitu putera Sultan Muhammad Jamalul Alam yang ke-7 daripada 10 adik beradik.

Ketika berusia 18 tahun, baginda melanjutkan pelajaran ke Malay College, Kuala Kangsar, Perak, iaitu antara tahun 1932-1936. Sebelum itu, baginda juga pernah belajar bahasa Inggeris dengan Mr. H.F Stalley. Sejak kecil lagi baginda juga telah dilatih oleh orang tua-tua yang dikhaskan untuk mendampingi baginda dengan menyalurkan pengajaran yang diperlukan untuk kesempurnaan diri baginda, terutama tentang hukum-hakam Islam dan adat istiadat yang lazim diamalkan oleh keluarga DiRaja Brunei sejak zaman yang terdahulu. Antara lain yang selalu memimpin baginda ialah Pengiran Haji Abdul Rahim bin Pengiran Maharaja Laila Pengiran Anak Abdul Kahar, yang mempunyai pengetahuan luas dan mendalam tentang agama Islam dan mahir dalam adat istiadat.



Pada 19 Syaaban 1369 bersamaan 6 Jun 1950, baginda ditabalkan menjadi Sultan Brunei yang ke-28. Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien adalah seorang sasterawan yang mempunyai bakat semulajadi di samping tokoh pemimpin Islam yang disegani. Sifat dan peribadi yang demikian itu dapat diketahui daripada kegemaran baginda sejak kecil lagi terhadap cerita-cerita yang dituturkan oleh inang pengasuh dan orang yang seindan-indan dengan baginda. Tuturan-tuturan yang mengandungi cerita kepahlawanan dan tamsil ibarat yang didengar itu telah berkembang dan mempengaruhi daya kreatif baginda sehingga menjadikan baginda pemikir yang serius, dan kemudiannya telah menjadikan baginda seorang penulis elit Melayu Brunei yang dibanggakan (Mohd. Jamil Al-Sufri, 1987). Mengikuti Haji Abd. Latif (2003), baginda pernah belajar mengarang syair dengan Pengiran Damit di samping menteri-menteri agama seperti Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hassanudin yang merupakan pengarang *Syair Yang Di-Pertuan* (Sultan Muhammad Jamalul Alam ke Singapura). Di samping bakat dalam mengarang syair, baginda juga berkebolehan dalam bidang kesenian, kepimpinan dan kebudayaan seperti kesusasteraan, sukan, seni bela diri, diplomasi, adat istiadat Brunei, zikir Brunei (Sarafil Anam), dan seni khat.

Dalam sejarah Brunei Modern, sumbangan terbesar baginda terhadap negara Brunei Darussalam ialah pembentukan Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Pengorbanan baginda dalam memperjuangkan negara bangsa sebagai negara yang berdaulat memperlihatkan kesungguhan baginda dalam sistem pemerintahan negara. Hal ini dapat dilihat melalui ketertiban baginda dalam menyusun strategi untuk membentuk perlembagaan sendiri bagi kepentingan negara dan rakyat baginda yang dikasihi. Bagi tujuan itu, baginda telah mendatangkan seorang pakar dari Malaysia, iaitu Dato' Panglima Bukit Gantang (bekas Menteri Besar Perak) yang merupakan ketua wakil Raja-raja Melayu dalam rundingan kemerdekaan Tanah Melayu dari Britain (Subki Abdul Latif, 2006). Peristiwa ini dirakamkan menerusi salah satu syair baginda, iaitu *Syair Perlembagaan Negeri Brunei* yang terbit dalam rangkap berikut:

Setibanya peguam di negeri ini  
Daripada Malaya datang ke sini  
Dato Gantang sangat berani  
Terlalu bijak muda yang sani  
(*Syair Perlembagaan Negeri Brunei*, 1998)

Bagi menjayakan rancangan dan pelan strategik membentuk Perlembagaan Negeri Brunei 1959, baginda telah melantik satu jawatankuasa khas. Pada hakikatnya, pembentukan Perlembagaan Negeri Brunei 1959 tersebut banyak mendatangkan manfaat kepada rakyat jelata dan negara. Antara perkara yang penting dalam agenda perjuangan baginda selaku pemerintah negara bagi pembentukan Perlembagaan Negara Brunei 1959 adalah pemertabatan agama Islam sebagai agama rasmi, pemertabatan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Negara, undang-undang kewarganegaraan (mempertahankan hak rakyat

purih atau rakyat jati Brunei), mempertahankan Adat Istiadat Brunei dan menuju satu sistem pemerintahan perwakilan (Haji Hashim Haji Abd. Hamid, 2012).

Ketekunan MOAS mengabadikan pengalaman hidupnya yang pelbagai rupa dan dimensi dalam syair menjadikan karya baginda berkualiti dan berwibawa serta berupaya mengangkat martabat kesusasteraan Melayu Brunei di persada nusantara dan juga antarabangsa. Antara syair yang baginda hasilkan ialah: *Syair Nasihat*, *Syair Rajang Jenaka*, *Syair Perkarangan*, *Syair Perlembagaan Negeri Brunei*, dan *Rampaian Laila Syair* yang memuatkan *Syair Laila Hasrat*, *Syair Laila Cinta* dan *Syair Laila Jenaka*, *Syair Asli Rajang Hari* dan *Syair Kemerdekaan*. Meskipun syair tergolong dalam sastera tradisional namun syair yang baginda hasilkan melangkaui zaman tradisional, iaitu era kesusasteraan Melayu Moden. Hal ini membuktikan tradisi penulisan salah satu karya tradisional khususnya syair masih lagi diteruskan dan kekal dalam era moden.

Sehingga kini, baginda satu-satunya penyair berbakat besar dalam kalangan kerabat DiRaja yang amat berpengetahuan dan berpengalaman sebagai sultan yang mentadbir sebuah negara; selaku pemerintah negara dan raja yang berjiwa rakyat, baginda menuangkan dunia kepimpinan Beraja dalam karya-karya baginda. Baginda menghasilkan sebanyak 14 buah syair; 6 daripadanya telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. Suatu perkara yang sangat menarik dan istimewa pada diri baginda ialah baginda cukup berminat dan percaya bahawa sastera boleh dijadikan sebagai alat untuk menyalurkan nasihat, hasrat dan pesan yang mudah kepada rakyat jelata mahupun anakanda-anakanda baginda.


Dalam memperkatakan kedaulatan bahasa Melayu, baginda begitu prihatin dalam memperjuangkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara seperti yang termaktub dalam perlembagaan di bawah Bab 82(1) yang menyatakan bahawa "Bahasa rasmi negeri ialah bahasa Melayu hendaklah ditulis dengan huruf yang ditentukan oleh undang-undang bertulis."

Sebilangan besar karya baginda bersifat serius dan cenderung kepada falsafah, lebih-lebih lagi yang merungkai soal-soal agama, bangsa, negara, masyarakat, ekonomi dan budaya. Bukan itu sahaja, karya baginda membuktikan keintelektualan dan keikhlasan untuk bekarya tanpa mementingkan hal peribadi. Baginda bukan sahaja negarawan yang unggul, malah juga seorang nasionalis dan sasterawan Diraja yang terunggul. Sebagai mengenang jasa dan ketokohan serta kewibawaan penyair Diraja dalam bidang penulisan sastera Islam, pada tahun 2008 MOAS telah dikurniakan anugerah dinobatkan sebagai Tokoh Sasterawan Islam Brunei Darussalam. Lanjutan daripada itu pada tahun 2014, Al-Marhum dikurniakan anugerah Tokoh Adat Istiadat Sepanjang Zaman atas jasa dan bakti Al-Marhum dalam memartabatkan adat istiadat Brunei.

Anugerah tersebut adalah mengenang jasa-jasa baginda dalam perkembangan sastera di Brunei Darussalam serta ketokohan baginda dalam mempertahankan dan mewariskan adat istiadat Brunei Darussalam yang terpelihara sehingga kini. Sebagai tokoh sasterawan Islam dan penyair DiRaja, MOAS banyak mengutarakan kehidupan masa kini dan wawasan kehidupan masa depan bagi Negara Brunei Darussalam (Pengiran Badaruddin Pengiran Ghani, 2006). Tidak syak lagi bahawa sebagai penyair DiRaja, tokoh MOAS cukup berkarisma dan berwibawa bagi Negara Brunei Darussalam. Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien telah lindung (mangkat) pada malam Isnin 3 Muharam 1407 bersamaan 7 September 1986 dan dimakamkan di Kubah Makam DiRaja, Bandar Seri Begawan pada 4 Muharam 1407 bersamaan 8 September 1986.

### **Pengkajian Semantik dalam Karya Kesusasteraan**

Salah satu bidang kajian penting dalam pengkajian makna adalah semantik. Semantik ialah kajian tentang ilmu makna. Pada peringkat permulaan, ilmu semantik merupakan sebahagian daripada kajian falsafah. Wittgenstein (1922), dan Ogden dan Richards (1923) adalah antara tokoh dan pakar yang terkemuka dalam bidang semantik falsafah. Walau bagaimanapun, seiring dengan perkembangan ilmu linguistik, semantik tergolong dalam disiplin linguistik (Nor Hashimah Jalaluddin, 2007).




**Rajah 1 : Segi Tiga Semantik** (Ogden & Richard, 1923)

Segi Tiga Semantik (*Semantic Triangle*) seperti yang digambarkan dalam rajah di atas mengemukakan tentang makna dari segi komponennya yang merungkaikan konsep makna yang terdiri daripada tiga tunjang utama, iaitu dari segi simbol atau tanda, fikiran atau pengertian, dan benda atau perkara. Ketiga-tiga ini dikupas menerusi pengkaji makna yang pertama pada abad ke-20 yang dipelopori oleh Ogden dan Richard (1923) dalam buku *The Meaning of Meaning*. Tegasnya, Ogden dan Richard membatasi kajian semantik hanya pada makna bahasa simbolik yang merujuk kepada wujud benda, orang atau peristiwa mahupun kejadian menerusi fikiran.

Teori Segi tiga semantik Ogden dan Richard, yang hanya terdiri dari simbol, perkara dan fikiran berbeza dengan apa yang diutarakan Izutsu (1964) yang

sentiasa menjadikan penafsir atau pemakai bahasa sebagai unsur utama munculnya struktur makna kata. Struktur makna kata tersebut, sesuai dengan teori pluralisma yang dipegang beliau, iaitu perbezaan bahasa dengan bahasa yang lain berhubungkait dengan budaya yang diamalkan oleh masing-masing pengguna bahasa yang berbeza-beza. Rajah 2 menunjukkan bahawa Izutsu selalu menambahkan kategori atau unsur X dalam rajah segi empat kata dan makna:



**Rajah 2 : Rajah Segi Empat “Kata” & “Makna”**

Walau bagaimanapun berbeza sekali dengan semantik yang diutarakan Izutsu (1964), kajiannya adalah tentang perspektif-perspektif yang terdapat dalam kata yang berperanan secara dominan di antara kata-kata konsep dengan kata yang lain dalam sebuah segmen mahupun segmen-segmen. Izutsu (1964) membatasi ruang lingkup semantik hanya pada persoalan-persoalan yang berhubungan dengan makna tanda-tanda linguistik yang berbentuk verbal atau kata. Di samping makna yang terdapat pada simbol, menurut Izutsu makna juga diperoleh dalam kata-kata mahupun bahasa emotif. Pada asasnya persoalan makna berhubung kait antara kata-kata mahupun makna kata-kata dengan kata-kata yang lain. Oleh itu, semantik akan menimbulkan isu persoalan makna dalam penstrukturan dunia wujud (ontologi), iaitu unsur asas kata berbentuk konkrit yang mempunyai pertautan yang erat antara satu dengan lain seperti yang ditegaskan Izutsu (1959):

*"Each vocabulary, or connotative system, represents and embodies a particular worldview (weltanschauung) which transforms the raw material of experience into a meaningful, "interpreted" world. Vocabulary in this sense is not a single-stratum structure. It comprises a number of sub-vocabularies, existing side by side with usually overlapping areas between."*

Tegasnya, Izutsu secara lebih spesifik membatasi makna kata yang menjadi ruang lingkup kajian semantik terbatas hanya pada kata-kata yang memainkan peranan bagi menentukan pembentukan struktur pandangan alam masyarakat penutur bahasa. Dalam pada itu, jika diteliti dari pendekatan Izutsu (1956, 1964) dalam menganalisis kata-kata konsep dan hubungannya dengan pandangan alam, semantik adalah sejenis *weltanschauungslehre*, iaitu sebuah kajian terhadap hakikat dan struktur pandangan dunia sesebuah bangsa mahupun masyarakat pada zaman sekarang atau pada zaman yang sangat penting dalam sebuah sejarah. Perkara ini dapat dicapai melalui analisis terhadap konsep-konsep kebudayaan utama yang dilahirkan bangsa tersebut pada dirinya yang telah menyatu ke dalam istilah-istilah konsep dari sesebuah bahasa (Izutsu, 1964). Dengan demikian, semantik yang dikembangkan oleh Izutsu tidak hanya merungkaikan dan memahami makna tetapi lebih jauh daripada itu adalah budaya yang terkandung di dalamnya.

Hal ini sangat berbeza dengan pendekatan semantik yang pernah dikembangkan oleh para sarjana bahasa pada umumnya, yang hanya membatasi pada penemuan makna kata atau kalimat, sesuai dengan realiti objektif yang ada pada budaya atau konteks sosial para penutur bahasa. Menurut Izutsu (1964), tujuan kajian semantik, iaitu penelitian mahupun kaedah terhadap konsep-konsep pokok, konsep-konsep yang memainkan peranan menentukan dalam pembentukan visi terhadap alam semesta, memunculkan unsur ontologi (wujud) secara konkrit, hidup dan dinamik, bukan ontologi statik yang dihasilkan seorang ahli falsafah pada tingkat pemikiran metafizik yang abstrak. Oleh itu menerusi kajian secara analitis terhadap kata-kata konsep mahupun istilah kunci suatu bahasa, seseorang akan dapat mengetahui struktur dasar sistem pemikiran yang berkembang dan dapat diterima oleh anggota-anggota masyarakat bahasa tersebut (Izutsu, 1959).

Lanjutan daripada itu, menurut Izutsu (1964), analisis semantik akan membentuk satu eksistensi pada peringkat yang lebih konkrit. Analisis tersebut lebih menekankan kajian semantik pada unsur-unsur kata dasar dan perkaitan sedemikian rupa sehingga struktur keseluruhan budaya yang betul-betul ada atau mungkin ada dalam kehidupan masyarakat dapat direkonstruksikan. Justeru, Izutsu telah meletakkan semantik sebagai disiplin budaya, iaitu bagi kepentingan analisis ilmiah terhadap *weltanschauung*.

Sehubungan itu, lazimnya makna dalam karya sastera agak berbeza daripada makna dalam tulisan-tulisan yang biasa. Unsur-unsur tamsilan berbentuk makna yang tersirat ternyata jelas ditemui dalam beberapa karya sastera. Sesungguhnya, dunia teks khususnya karya kesusasteraan penuh dengan huraian makna yang perlu ditafsirkan dalam memenuhi kefahaman untuk mengetahui dan menelusuri mesej dan pesan yang terkandung dalam karya yang dinukilkan penyair mahupun pengkarya. Penggunaan simbolik yang terdiri daripada figuratif, metafora, perbandingan, simile, analogi, dan seumpamanya adalah bentuk makna yang lazim diketengahkan dalam wacana sastera; puisi



dan prosa termasuklah syair. Makna simbolik hadir secara langsung sebagai kesedaran terdekat untuk menjelaskan sebilangan sifat dasar kognisi manusia (Harry T. Hunt, 1998). Dalam pada itu, Terry Eagleton (2008) menjelaskan bahawa:

*"The text itself is reduced to a pure embodiment of the author's consciousness; all of its stylistic and semantic aspects are grasped as organic parts of a complex totality, of which the unifying essence is the author's mind"*

Makna bukan sahaja pengertian yang wujud begitu sahaja namun juga berhubungan dengan fikiran dan perasaan mahupun emosi. Sejalan dengan peranan semantik bagi tujuan menyampaikan kefahaman maksud, maka bahasa yang terkandung dalam karya kreatif memerlukan interpretasi makna terhadap pemikiran yang diutarakan oleh pengarang. Begitu juga apabila memperkatakan tentang pentafsiran objek menerusi makna tekstual, maka makna tidak juga terlepas daripada unsur kritikan yang amat penting dalam bentuk tulisan yang cuba disampaikan kepada pembaca. Dalam hal ini Hirsch Gadamer menyatakan bahawa:

*"The object of interpretation is textual meaning in and for itself and may be called the meaning of the text. The object of criticism is that meaning in its bearing on something else (standards of value, present concerns, etc), and the object may therefore be called the significance of the text."*

Oleh sebab budaya dan masyarakat menjadi tumpuan kajian, sama ada secara perbandingan, penginterpretasian dan penghuraian serta pentafsiran kepada khalayak, Teeuw (1984) menyatakan bahawa untuk memahami teks dalam karya sastera memerlukan pengetahuan sistem kod yang rumit, seperti kod bahasa, sastera, dan budaya. Misalnya, untuk memahami karya sastera Melayu Brunei, selain bahasa Melayu Brunei juga perlu memahami kod Budaya Melayu Brunei, iaitu tradisi, sistem lambang, adat istiadat dan kepercayaan. Oleh hal yang demikian, hubungan karya sastera dan budaya memainkan peranan yang lebih jauh dengan mempelajari hubungan nilai dalam karya sastera dengan sistem nilai dalam masyarakat. Jelaslah bahawa pemahaman sebuah karya sastera memerlukan latar belakang kebudayaan yang terungkap dalam sistem tanda bahasanya.

Pada hakikatnya, bidang kesusasteraan tidak terlepas daripada persoalan makna. Sehubungan dengan itu, kajian yang dilaksanakan ini merungkai dan mendalami aspek permaknaaan dalam memberikan interpretasi hakikat makna terhadap kata konsep berkaitan pandangan alam (*worldview*) masyarakat Melayu Brunei dalam karya syair yang dinukilkan oleh MOAS dengan

menerapkan teori semantik. Teori semantik yang diterapkan dalam kajian ini ialah berasaskan semantik struktural yang dikembangkan dan dibina sekali gus dibangunkan oleh Izutsu (1959, 1964, 2002). Di samping itu, kerangka pemikiran Al-Attas juga turut digunakan bagi merungkai dan merumuskan struktur kata konsep berkaitan pandangan alam yang terkandung dalam syair MOAS.

### **Penyataan Masalah**

Karya sastera sebagai salah sebuah ekspresi seni mempunyai hubungan erat dengan bahasa. Dalam pada itu bahasa dalam karya sastera memiliki dua lapisan, iaitu lapis bunyi mahupun bentuk dan lapis makna. Lapis makna dalam konteks ini adalah secara literal yakni tersurat diwakili bentuk kebahasaan yang digunakan, dunia rekaan pengarang, dunia yang dipandang dari titik pandang tertentu serta lapis dunia mahupun pesan yang bersifat metafizik (Aminuddin, 1984). Oleh itu, permasalahan makna dalam karya sastera untuk memahami secara sungguh-sungguh dan benar sudah tentu juga harus memahami ilmu tentang makna sebagai upaya memahami teks sastera.

Al-Attas (2015) menyatakan bahawa Islam dalam pelbagai bahasa orang Islam kini telah menjadi kabur dan dipergunakan sewenang-wenangnya melalui bidang-bidang maknawi yang asing semacam kemerosotan ke arah pandangan-pandangan alam bukan Islam, suatu kejadian yang dikenali beliau sebagai pengislaman bahasa. Menurut beliau lagi, kegagalan menggunakan bahasa dengan tepat dan menyampaikan makna yang benar mencerminkan pengguna yang tidak sedar akan kefahaman tentang bahasa serta pandangan alam yang ditonjolkan olehnya.

Dalam pada itu, Harun Mat Piah (2016) menyatakan syair-syair yang dihasilkan MOAS secara keseluruhan mengandungi konsep kesempurnaan yang mendukung nilai, norma dan pandangan alam (*weltanschauung*). Sehubungan dengan itu, Yahya Ibrahim (2005) menjelaskan bahawa karya syair MOAS, iaitu *Syair Perlembagaan Negeri Brunei* mengungkapkan pandangan alam (*worldview*) dan berupaya mempengaruhi pembentukan kehidupan mahupun pemikiran. Selain itu, Hashim Hamid (2006) yang menyatakan bahawa penelitian dan pengkajian tentang identiti dalam sastera Melayu di Brunei adalah perlu dalam memberikan jawapan terhadap persoalan seperti pandangan alam atau *weltanschauung* yang mengungkapkan makna yang terkandung di sebalik teks dan pemikiran dalam karya sastera. Dengan demikian, kajian tentang konsep berkaitan alam Islam termasuk juga syair MOAS dalam konteks kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti kata konsep alam Islam dalam syair MOAS adalah perlu diberikan perhatian.

Kassim Omar (2009), menerusi kajian beliau “Pemikiran Muda Omar Ali Saifuddin dalam Syair Nasihat” menyatakan bahawa MOAS banyak

menghasilkan syair yang sarat dengan falsafah dan pemikiran. Aminah Momin (2009) menyatakan bahawa ketajaman mata pena melalui syair MOAS memaparkan nilai nasihat yang tinggi sehingga menyukarkan kefahaman untuk mengetahui dan memahami makna sebenar karya yang disampaikan. Beliau seterusnya menggesa supaya kajian lanjut dan terperinci terhadap makna dalam syair MOAS perlu dijalankan sebagai bahan renungan dan pengetahuan melalui makna yang terungkap dalam syair MOAS. Sebagai seorang pengarang dan penyair DiRaja, penulisan syair baginda juga turut memaparkan nilai dan wawasan kehidupan masa kini dan masa hadapan rakyat jelata yang perlu diketahui maknanya. Sehubungan itu, kajian kata konsep berkaitan alam Islam perlu dilaksanakan bagi merungkai persoalan makna yang terkandung dalam syair MOAS.

Sementara itu Rayah Md. Ali (2012), menyatakan bahawa syair MOAS banyak menyerlahkan pemikiran berunsur Islam. Dalam pada itu, untuk memahami dan mentafsir makna yang sarat dengan pemikiran bukan sesuatu yang mudah. Pemahaman dan pentafsiran makna yang mengungkapkan pemikiran falsafah tinggi dan nasihat yang berguna perlu diberikan perhatian oleh setiap lapisan masyarakat sebagai pedoman dan pengajaran yang mengandungi nilai dan wawasan kehidupan bermasyarakat dan bernegara pada masa kini dan masa hadapan. Oleh itu, menganalisis struktur kata konsep berkaitan alam Islam dalam syair MOAS perlu dikaji bagi mendapatkan makna secara hakiki.

Selain itu, menurut Izutsu (2012) menyatakan bahawa pada dasarnya persoalan makna merupakan persoalan hubungan antara kata mahupun makna kata dengan kata yang lain. Hal ini demikian, semantik mempersoalkan cara dunia wujud distrukturkan, unsur utama dunia, dan bagaimana semua itu terkait satu sama lain. Persoalan makna kata yang menjadi objek kajian semantik ini, tentunya bukanlah bentuk yang sederhana dan mudah untuk difahami. Justeru Izutsu lebih mengutamakan kajian semantik pada unsur-unsur dasar dan perkaitan kata sehingga struktur keseluruhan budaya yang secara hakikinya terkandung dalam kehidupan masyarakat direkonstruksikan.

Selaras dengan itu, kajian untuk mengenal pasti kata konsep berkaitan alam Islam, menganalisis makna struktur kata konsep dan akhirnya merumuskan kata konsep berkaitan alam Islam terhadap syair terpilih MOAS perlu dilaksanakan. Oleh itu, kajian ini berupaya memberikan penjelasan dan kefahaman serta penghayatan terhadap syair MOAS secara lebih terperinci.

Bertitik tolak daripada pernyataan masalah yang dibincangkan di atas, kajian terhadap kata konsep berkaitan alam Islam dalam karya syair sekali gus akan mengisi kelompangan dan kekurangan yang terdapat dalam kajian-kajian lepas. Dengan demikian, pengkajian tentang makna sewajarnya dilakukan khususnya kajian kata konsep berkaitan alam Islam dalam syair-syair MOAS. Tambahan pula kajian yang dilaksanakan dapat mengetengahkan kepelbagaian kajian



tentang cara pengolahan dan dapatan yang sudah tentu berbeza daripada kajian yang telah dilakukan sebelum ini. Kajian kata konsep dan pandangan alam Islam tidak hanya sebagai teras ilmu linguistik dan juga falsafah Islam, malahan dalam konteks kajian ini bidang berkenaan juga dapat memberikan nilai tambah terhadap perkembangan kajian yang berhubungan dengan disiplin sastera dan budaya.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan bagi memenuhi objektif-objektif berikut:

- i. Menenal pasti kata konsep berkaitan alam Islam dalam syair MOAS.
- ii. Menganalisis makna struktur kata konsep berkaitan alam Islam dalam syair MOAS.
- iii. Merumuskan kata konsep berkaitan alam Islam dalam syair MOAS.

Sebagai mencapai objektif kajian ini, maka sekali gus akan dapat menjawab dan merungkai persoalan kajian berikut:

### **Persoalan Kajian**

- i. Adakah terdapat kata-kata konsep berkaitan alam Islam dalam syair MOAS?
- ii. Sejauhmanakah kata konsep berkaitan alam Islam dalam syair MOAS dapat diketahui dan diinterpretasi?
- iii. Bagaimanakah syair MOAS dapat dijelaskan melalui kata konsep berkaitan alam Islam?

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada kepentingan terhadap negara, masyarakat, bidang ilmu, dan pengkaji. Sebagai bidang ilmu, kepentingan kajian ini adalah sebagai penambahan koleksi ilmu yang berupaya membina paradigma bahan baru dalam bidang ilmu sastera dan budaya. Sehubungan itu, kajian kata konsep berkaitan alam Islam berasaskan semantik dan pandangan alam Islam membolehkan khalayak mengetahui dan memahami maksud sebenar sesuatu kata yang abstrak dan penuh dengan falsafah dan pemikiran dalam teks syair. Justeru kajian ini akan memberi pendekatan baru dalam menghuraikan makna dan pandangan alam.

Sementalahan kajian ini juga akan menonjolkan bahan-bahan pemikiran melalui teks syair untuk dijadikan garis panduan dalam usaha memartabatkan nilai kesenian warisan budaya Melayu Islam di Brunei Darussalam khususnya. Dengan yang demikian kajian ini penting untuk dilaksanakan dalam

mendedahkan dan menghuraikan kebitaraan pemikiran khususnya dalam karya syair. Di samping itu, dapatan kajian ini akan berupaya menyalurkan ilmu sains kemasyarakatan kepada generasi kini dan akan datang. Justeru, kajian ini akan menjadi bahan rujukan kepada institusi awam seperti pengajian tinggi, Dewan Bahasa dan Pustaka dan lain-lain. Terakhir, dapatan kajian ini juga diharapkan menjadi pemangkin kepada pengkaji mahupun penyelidik selanjutnya, terutama dalam menganalisis makna kata-kata konsep dan pandangan alam mengikut pelbagai pendekatan dan perspektif.

### **Batasan Kajian**

Batasan dan skop kajian ini membolehkan pengkaji meneliti data secara lebih terperinci dan akan menemukan serta merumuskan sesuatu pembuktian dalam kajian. Kajian ini hanya memberikan batasan kepada aspek kata konsep alam Islam yang menjurus kepada kajian teks dalam karya syair. Oleh sebab syair-syair MOAS mengandungi banyak rangkap, tidak semua rangkap akan dijadikan sebagai bahan analisis data kajian. Pengkaji hanya memetik rangkap-rangkap yang mengandungi kata-kata konsep yang berhubung kait dengan alam Islam iaitu; tauhid, ilmu, adil dan adab.

Sehubungan itu, pembatasan kepada empat konsep pandangan alam Islam menurut Al-Attas pula hanya memfokuskan kepada konsep tauhid, ilmu, adil dan adab. Kepentingan menghadkan empat konsep tersebut adalah berdasarkan kepada konsep-konsep tersebut merupakan dasar yang menjadi paksi hujahan dalam alam Islam sekaligus peradaban Islam. Ini secara tidak langsung kata-kata yang memainkan peranan yang sangat kuat dalam menentukan penyusunan struktur konseptual dasar pandangan alam Islam sebuah karya termasuk syair dalam konteks kajian ini. Lanjutan daripada itu, pemilihan kata konsep juga merupakan pendekatan intergratif Al-Attas sebagai merungkai alam Islam menerusi konsep-konsep utama pandangan alam Islam berasaskan falsafah yang menjurus kepada satu matlamat, yakni asas epistemologi dan kesannya terhadap kehidupan Islam. Sejalan dengan itu, pandangan alam Islam telah berupaya melahirkan sebuah tradisi keilmuan yang telah memperkayakan konsep-konsep tersebut. Justeru kepentingan menerapkan konsep pandangan alam Islam melalui konsep-konsep asas dalam al-Quran dapat dijadikan disiplin ilmu Islam (Hamid Fahmy Zarkasy, 2015).

Selain itu, keadilan bukan sahaja paksi utama dalam kehidupan umat Islam malahan keadilan merupakan suatu yang sangat penting dalam metafizika Al-Attas. Hal ini disebabkan dalam pandangan alam Islam, adil ialah meletakkan sesuatu pada neraca mahupun kedudukan yang tepat, benar, dan wajar dalam segenap aspek kehidupan. Islam menggariskan hakikat keadilan sebagai bermula dan berakhir dalam diri setiap manusia itu sendiri (Wan Mohd. Nor, 2016). Justeru kepentingan konsep adil, iaitu meletakkan sesuatu pada tempatnya yang benar sebagai antara batasan pemilihan kata konsep alam

Islam sudah sewajarnya dianalisis sebagai falsafah yang paling kuat mempengaruhi pemikiran berlandaskan ilmu.

Manakala kepentingan konsep adab pula dalam falsafah metafizika Islam, Al-Attas mengemukakan keutamaan adab sebagai pengenalan dan pengakuan terhadap hak keadaan sesuatu dan kedudukan seseorang serta keadaan yang tepat dan benar dalam kehidupan. Natiujahnya, falsafah keindahan mahupun estetika itu merujuk kepada ilmu yang mengutamakan soal keindahan dan kecantikan dalam alam semulajadi dan kesenian. Namun dalam Islam, konsep tersebut bersumberkan wahyu, yang terwujud di dalam adab. Maka konsep kesusasteraan itu sendiri dalam Islam dikenali sebagai “adabiyat” (Al-Attas, 2015).

Sebagai rumusan, kewajaran pengkaji menghadkan empat konsep yang telah dinyatakan, dengan berpegang dan berdasarkan kerangka Al-Attas (2015) yang menganggap bahawa konsep-konsep ini adalah satu sistem metafizika yang berguna untuk melihat realiti dan kebenaran. Hal ini kerana sistem metafizika yang terbentuk dari pandangan alam berperanan bagi menentukan sama ada sesuatu itu benar dan hakiki mahupun sebaliknya dalam setiap kebudayaan. Oleh itu, konsep-konsep dasar seperti tauhid, ilmu, adil dan adab yang secara konseptual tersebut menentukan bentuk perubahan, perkembangan dan kemajuan.

Dari segi pembatasan bahan mahupun data kajian, pengkaji hanya memfokuskan kepada lima buah teks syair, iaitu; *Syair Nasihat*, *Syair Asli Rajang Hari*, *Syair Perlembagaan Negeri Brunei*, *Rampaian Laila Syair* dan *Syair Kenangan*. Batasan bahan teks sebagai penelitian kata konsep terhadap lima karya syair yang dipilih adalah untuk mengetengahkan dan menampilkan pemikiran sekali gus makna yang secara hakiki ingin disampaikan MOAS melalui syair.

### **Definisi Operasional**

Bagi menjelaskan kajian ini, setiap pemboleh ubah yang berkaitan dengan kajian didefinisikan secara operasional. Defini operasional pengkaji dipecahkan kepada tiga kata mahupun frasa, iaitu kata konsep, alam Islam dan syair.

### **Kata Konsep**

Kata konsep merupakan pengungkapan falsafah dan pemikiran yang mencerminkan pandangan alam. Dalam kajian ini kata konsep tauhid, ilmu, adil dan adab merujuk kepada konsep-konsep yang terkandung dalam karya syair sebagai sumber hakikat universal tentang sesuatu perkara mahupun gambaran

yang bersifat abstrak dan umum terhadap suatu objek mahupun subjek. Dalam konteks kajian ini, kehadiran kata konsep berkenaan terhimpun dalam hubungan rangkap syair secara berhubungan dari segi makna yang wujud dalam bentuk pemikiran. Sebagai kata konsep yang muncul dalam sesuatu bahasa, maka kata konsep menjadi dasar pembinaan struktur yang terdiri daripada sistem ontologi (wujud), epistemologi (ilmu), aksiologi (nilai) dan kosmologi (alam). Dalam erti kata lain, pembentukan struktur pengkonsepsian dalam konteks kajian ini ialah pengkonsepsian alam Islam secara turun temurun hakikatnya berpunca dari era awal Islam yang bersumberkan Al-Qur'an dan Al-Hadith.

### **Alam Islam**

Alam Islam ialah suatu kerangka konsep pandangan alam untuk mengkaji pemikiran Islam termasuklah bahasa yang diterapkan sebagai cerminan atau gambaran yang terkandung dalam syair. Sebagai asas cara pandang manusia terhadap sesuatu perkara terbit dari kalbu atau pancaindera yang memprojeksi pandangan alam terhadap sesebuah makna. Sehubungan itu refleksi pandangan alam pada bahasa terpancar melalui kata mahupun konsep dasar yang akhirnya membentuk suatu sistem yang asas. Manakala pembentukan pandangan alam terbentuk dari pelbagai aspek antaranya adalah melalui pengalaman hidup, bahan bacaan, persekitaran, pendidikan dan sebagainya. Justeru, alam Islam berkait rapat dengan konsep-konsep yang hadir secara batiniyah mahupun lahiriah melalui sejumlah kata konsep yang terkandung dalam syair.

### **Syair**

Satu jenis puisi tradisional dalam bentuk karangan berangkap. Oleh itu pada setiap rangkap mengandungi empat baris secara kesatuan idea yang mengemukakan ciri pemikiran, nasihat, pengajaran dan tema-tema tertentu. Setiap baris memperlihatkan bentuk rima yang sejajar mahupun bunyi rima yang sama, iaitu A-A-A-A. Namun demikian terdapat juga rangkapan dan baris yang mengandungi bentuk rima akhir A-B-A-B yang menyerupai ciri pantun. Syair dalam kajian ini mengandungi pelbagai persoalan dan tema yang mendukung pandangan alam melalui bahasa, khususnya kata konsep yang diketengahkan dalam teks. Antara persoalan dan tema syair yang dinukilkan adalah keagamaan, kemasyarakatan, pembangunan negara termasuk pendidikan, ekonomi dan lain-lain.

## BIBLIOGRAFI

- A. Teeuw. (1995). *Sastera dan Ilmu Sastera. Pengantar Teori Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hamid Jaludin. (2010). *Syair Awang Semaun Sebagai Epik Bangsa Melayu Brunei*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdurrahman Habbanakan. (2016). *Pokok-Pokok Aqidah Islam*. Jakarta: Penerbit Gema Insani Press.
- Ai Wardah. (2015). *Konsep Keadilan dan Pengamalannya Di Kerajaan Riau-Lingga Abad-19 Menurut Raja 'Ali Haji*. Tesis Sarjana Falsafah. KL: Universiti Teknologi MARA.
- Al-Attas, S. M. Naquib. (1968). *The Origin Of Malay Syair*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Al-Attas, S. M. Naquib. (1970). *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Attas, S.M. Naquib. (1977). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: UKM
- Al-Attas, S. M. Naquib. (1991). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Attas, S.M. Naquib. (1992). *Islam: Concept of Religion and The Foundation of Ethics and Morality*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Al-Attas, S.M Naquib. (1995). *Prolegomeno of The Metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Attas, S.M Naquib. (2015). *Himpunan Risalah*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Al-Attas, S.M Naquib. (2015). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Al-Attas, S.M Naquib. (2018). *The Concept Of Education In Islam A Framework For An Islamic Philosophy Of Education*. Kuala Lumpur: Ta'dib International.
- Aminuddin. (2011). *Semantik Pengantar Studi Tentang Makna*. Bandung: Sinar Baru Algensindo.
- Ampuan Haji Ibrahim Ampuan Haji Tengah. (2005). *Syair Rajang: Penyelenggaraan dan Analisis Teks*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.



- Ampuan Haji Ibrahim Ampuan Haji Tengah. (2008). *Fungsi Sastera*. Bandar Seri Begawan. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ampuan Brahim Ampuan Tengah (2016) bertajuk “Syair Asli Rajang Hari Karya Muda Omar Ali Saifuddien: Satu Analisis Intertekstualiti”. *Dalam Muda Omar 'Ali saifuddien Resepsi Tokoh dan Karya*. Penyelenggara Ampuan Brahim Ampuan Tengah (halaman 437- 463). Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei
- Aparslan Açikgenç. (2017). *Islamic Scientific Tradition in History*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM
- Azharuddin Sahil. (2007) *Mencari Ayat-ayat AlQuran berdasarkan Kata Dasar*. Kuala Lumpur: Crescent News (K.L.) Sdn.Bhd.
- Eagleton Terry. (2008). *Literary Theory An Introduction*. United States America: Blackwell Publishing
- Eko Budi (2015). *Makna Tawakkul dalam Al-Qur'an (Aplikasi Semantik Toshihiko Izutsu)*. Tesis Sarjana. Jogjakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- H.Fachruddin Hs. (1992). *Ensiklopedia Al-Qur'an Buku 1*. Jakarta: Penerbit Rineka Cipta.
- Hamid Fahmy Zarkasyi (2012). Adab dan peradaban : karya pengi'tirafan untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Pandangan Alam Islam Sebagai Kerangka Pengkajian Falsafah Islam* (133-182). Petaling Jaya, Selangor: MPH Publishing.
- Hanapi Jamaludin (2014). *Peradaban Barat Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas dan Pendita Za'ba*. Tesis Ijazah Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim Hamid. (2006). *Menyuruki Syair Rakis*. Jabatan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam.
- Hashim Hamid. (2008). *Qarar*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hashim Hamid. (2012). *Cerocok Budaya Brunei*. Bandar Seri Begawan: dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Hj Musa. (2001). *Falsafah, Logik, Teori Nilai dan Etika Melayu: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Hashim Hj Musa. (2006). *Pengantar Falsafah Bahasa: Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hashim Hj Musa. (2008a). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Hj Musa & Ong Chin Guan. (1998). *Pengantar Ilmu Makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Din (2015). *Manusia dan Islam Jilid satu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Din (2015). *Manusia dan Islam Jilid Dua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid. (1991). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Isma'il Raji Al Faruqi (2014). *Al-Tawhid Kesannya Terhadap Pemikiran dan Kehidupan*. Selangor Darul Ehsan: Thinkers Library Sdn.Bhd.
- Isnariah Idris & Che Ibrahim Salleh (2107). *Medan Semantik Hati Budi Melayu dalam Warkah Melayu Tradisional dalam Jurnal Pertanika Mahawangsa* 4(2). 309-327 November 2017. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Izutsu, T. (1959). *The Structure of the Ethical Terms in the Koran: A Study in Semantics*. Tokyo: Keio Institute of Philological Studies, Keio University.
- Izutsu, T. (1964). *God and Man in the Koran: Semantics of the Koranic Weltanschauung*. Tokyo: Keio Institute of Cultural and Linguistic Studies, Keio University.
- Izutsu, T. (2007). *The Concept and Reality of Existence*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Jelani Harun (2003) *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: DBP.
- Jelani Harun. (2008). *Undang-undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Leech, G. & Short M. H. (1993). *Gaya dalam Cereka: Penerapan Linguistik dalam Prosa Cereka Inggeris* (Terj. oleh Umar Junus). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lyons, J. (1972). *Structural Semantics An Analysis of Part of The Vocabulary of Plato*. Oxford: Basil Blackwell.
- Kassim Haji Omar. (2009). *Pemikiran Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dalam Syair Nasihat*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Brunei.

- Kerlinger, Fred N. (1973) *Foundations of Behavioral Research*. 2<sup>nd</sup> edition New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Mahayudin Yahaya. (1998). *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mila Fatmawati, Ahmad Izan & Dadang Darmawan (2018). Analisis Semantik Kata Syukur dalam Al-Qur'an. Al-Bayan: *Jurnal Studi Al-Qur'an dan Tafsir* 3, 1 (Juni 2018) 90-100. Bandung: Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati
- Minah Haji Osman (2012). *Menyoroti Falsafah Melayu Islam Beraja dalam Syair Perlembagaan Negeri Brunei*. Disertasi Sarjana Sastera Program Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam: Brunei.
- Mohammad Dzul Haizan (2018). *Semantik Kata Huzn dalam Al-Qur'an (Pendekatan Semantik Toshihiko Izutsu)*. Tesis Sarjana. Bandung: Indonesia Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati.
- Mohd. Affandi Hassan (2005). *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zain Serudin (1995). *Melayu Islam Beraja: Satu Pendekatan*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei
- Muda Omar 'Ali Saifuddin (2006). *Rampaian Laila Syair*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muda Omar 'Ali Saifuddin (2006). *Syair Asli Rajang Hari*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muda Omar 'Ali Saifuddin (2006). *Syair Kenangan*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muda Omar 'Ali Saifuddin (2006). *Syair Nasihat*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muda Omar 'Ali Saifuddin (2006). *Syair Perlembagaan Negeri Brunei*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Norizam Jamian (2012) *Kesusasteraan Melayu Tradisional Dari Perspektif Adab: Suatu Perbincangan Pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhd. Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md. Radzi (2013) "Keadilan Pemimpin dalam Karya-karya Kesusasteraan Melayu Tradisional: Suatu Analisis dari Perspektif Adab". *Pangsura*. Bil 3 Jilid 18.



- Muhd Norizam Jamian, Mohd Yuszaidy Mohd Yusof, Muammar Ghadafi Hanafiah & Yusmilayati Yunos (2017). "Keadilan Teras Kepimpinan Raja-Raja Melayu: Dari Era Tradisi ke Kontemporari". *Jurnal Melayu Bil* 16 (1) 2017. Bangi: UKM
- Mustofa Umar (2012). Kufur Dalam Al-Qur'an: Semantik Toshihiko Izutsu. Dalam Jurnal: *Al-Risalah*. Volume 12 1Mei 2012.
- Nida, E. (1975). *Componential Analysis of Meaning: An Introduction to Semantic Structure*. Paris: Mouton Hague Press.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ogden, C. K. & Richards, I. A. (1923). *The Meaning of Meaning: A Study of the Influence of Language upon Thought and of the Science of Symbolism*. London: Keagan Paul. (Edisi 10, 1949).
- Osman Bakar, (2014). *Islamic Civilisation And The Modern World*. Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam.
- Othman, Hussain\_ (2010). Semantic Analysis on the Malay Islamic Concept of Man and Universe. *Journal of Islam in Asia* Vol 7 No 1: JULY Issue (2010). Kuala Lumpur: IIUM Press. Muat turun 10 Januari 2019. 1:33pagi.
- Palmer, F. R. (1989). *Semantics*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Palmer, F. R. (1992). *Semantik* (Terj. oleh Abdullah Hassan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Parera, J. D. (2004). *Teori Semantik Edisi Kedua*. Jakarta: Airlangga.
- Rayah Md Ali, Hajah. (2012). *Syair Kenangan Karya Muda Omar 'Ali Saifuddien: Satu Analisis*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Robiah Millatuzzulfa Adawiah (2019). *Makna Kata Kitab dalam Al-Qur'an (Analisis Semantik Toshihiko Izutsu)*. Disertasi Tesis Sarjana. Surakarta: Institut Agama Islam Negara Surakarta.
- Ruhana Radin (2019) yang bertajuk "Kearifan Tempatan Karya al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien: Perpektf Dialek Tempatan" dalam *Jurnal Bahasa Bil*: 37. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Saussure, F. de., 1915. (1955). *A Course on General Linguistics*. New York: Philosophical Library.
- Siti Aisah Murad (ed.). (1996). *Konsep Nilai dalam Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Siti Aminah Ishak (2016) *Kajian Konsep Manusia dan Alam Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas*. Tesis Ijazah Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Tenas Effendy. (2006). *Tunjuk Ajar Melayu*. Jogjakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu dengan kerjasama Penerbit AdiCita.
- Ullmann, S. (1963). *The Principles of Semantics*. Oxford: Blackwell Paperback.
- Ullmann, S. (1972). *Semantics: An Introduction to Science of Meaning*. Oxford: Blackwell Paperback.
- Wahyu Kurniawan. (2017). *Makna Khalifah dalam al-Qur'an: Tinjauan Semantik Al-Qur'an Toshihiko Izutsu*. Disertasi Tesis Sarjana. Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga. Dimuat turun pada 19 Julai 2019. 11:40 pagi
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1995). *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya Haji Ibrahim. (2011). *Gagasan Ketatanegaraan dalam Syair-syair Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien*. Tesis Doktor Falsafah Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya: Malaysia.
- Yusuf Al-Qardawi. (2002). *Hakikat Kewujudan Allah* Penterjemah (Ustaz Musthafa 'Alayaini). Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islam Malaysia.
- Yusuf Al-Qardawi. (2014). *Pengertian Tauhid*. Penterjemah Abdul Majid Bin Abdullah. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn.Bhd.
- Zahadul Ismah. (2015). Konsep Iman Menurut Toshihiko Izutsu. *Hermeunetik, vol 9, no.1. Junni 2015*. Indonesia: Institut Agama Islam Negeri Kudus.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (2016). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam syed M.Naquib Al-Attas satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2017). *Peranan Universiti Pengislaman Ilmu Semasa Penafibaratan dan Penafijajaan*. Kuala Lumpur: Casis Hakim.
- Wittgenstein, L. (1953). *Philosophical Investigations*. New York: The Macmillan Company.

## BIODATA PELAJAR



Mohammad Shahrin Bin Haji Metussin berasal daripada Negara Brunei Darussalam. Beliau merupakan guru dan mempunyai pengalaman mengajar dari peringkat pendidikan sekolah rendah sehingga ke Pusat Tingkatan Enam (pre-universiti). Mengikuti kursus Sijil Pendidikan (Certificate in Education) di Institut Pendidikan Sultan Hassanah Bolkih (SHIBIE), UBD pada Tahun 1998-2001. Pada tahun 2004-2007, melanjutkan pengajian Bacelor Sastera (Bahasa & Linguistik Melayu) di Universiti Putra Malaysia. Seterusnya pada tahun 2007-2009 calon melanjutkan pengajian peringkat Master Bahasa Melayu di Universiti Putra Malaysia. Beliau juga bergiat aktif dalam bidang-bidang kesenian, kebudayaan dan kesusasteraan dengan mengikuti salah sebuah persatuan belia di Brunei Darussalam, iaitu ahli Kumpulan Putra Seni (KPS) dan ASTERAWANI. Pada tahun 2015, mewakili Negara Brunei Darussalam bagi menghadiri bengkel Penulisan MASTERA (genre Drama) di Bogor, Indonesia. Dalam dunia penulisan, calon bergiat aktif dalam penulisan kreatif, khususnya Puisi dan Drama. Karya-karya beliau pernah diterbitkan di ruangan akhbar *Pelita Brunei*, *Majalah Bahana*, Buku antologi bersama penyair-penyair nusantara, dan juga buku antologi bersama penulis-penulis Brunei, iaitu *Tsunami: Peringatan Illahi* dan *Khusuk Tawadduk* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Tidak syak lagi, seorang yang peka dan meminati karya-karya sastera, maka pada tahun 2014 beliau telah melanjutkan pengajian peringkat PhD dengan menjadikan bidang Pengajian Sastera dan Budaya sebagai pilihan utama.

## SENARAI PENERBITAN

Mohammad Shahrin bin Haji Metussin, Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, Adi Yasran bin Abdul Aziz. Kata Konsep Berkaitakan Karakter Masyarakat Brunei dalam Syair Terpilih Muda Omar Ali Saifuddien. *Jurnal Bahasa*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohammad Shahrin bin Haji Metussin, Zaitul Azma binti Zainon Hamzah. Struktur Semantik Ilmu dalam Syair Terpilih Muda Omar 'Ali Saifuddien. *Jsass: The Journal of Humanities and Social Sciences* Volume 8 Bil.1. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

### Prosiding

Mohammad Shahrin Haji Metussin, Hashim Musa, Zaitul Azma Zainon Hamzah. "Diplomasi Melayu-Islam dalam *Syair Perlembagaan Negeri Brunei* Sebagai Model Toleransi Pemasarakatan Asean." prosiding *Seminar Antarabangsa Linguistik & Pembudayaan Bahasa Melayu IX*. Serdang: UPM.



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA**

**SESI AKADEMIK : Semester Kedua 2012/2013**

**TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :**

**KATA KONSEP BERKAITAN ALAM ISLAM DALAM SYAIR TERPILIH  
MUDA OMAR ALI SAIFUDDIEN.**

**NAMA PELAJAR : MOHAMMAD SHAHRIN BIN HAJI METUSSIN**

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (v )

**SULIT**

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

**AKSES TERBUKA**

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

**PATEN**

Embargo \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)

**Pengesahan oleh:**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pelajar)

No Kad Pengenalan / No Pasport:

Tarikh : 1 April 2021

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyelidikan)

Nama: Prof Madya Dr Zaitul Azma Zainon Hamzah

Tarikh : 1 April 2021